

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN  
HAJI HAMZAH [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengutamakan vaksinasi kepada ibu hamil kerana nisbah kes ibu hamil dijangkiti COVID-19 yang menerima rawatan rapi berbanding jumlah pesakit COVID-19 kritikal ialah 1 dalam 20. Nisbah ini jauh lebih tinggi berbanding nisbah jangkitan ibu hamil dalam populasi umum iaitu 1 dalam 220.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan memandang serius terhadap penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan ibu hamil, memandangkan golongan ini lebih berisiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk dan memerlukan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) serta bantuan pernafasan (*invasive ventilation*) berbanding wanita yang tidak hamil. Jangkitan COVID-19 tahap yang lebih teruk kerap berlaku pada trimester kedua dan ketiga.

2. Sehubungan itu, pada bulan Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan bahawa ibu hamil diberi keutamaan dalam pemberian vaksin COVID-19 bagi mencegah golongan ini mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk. Keutamaan yang diberikan adalah seperti berikut:-

## SOALAN NO : 16

- (i) Ibu hamil akan diberi tarikh janji temu vaksinasi lebih awal berbanding individu lain yang tidak hamil, sekalipun ibu hamil berkenaan baharu sahaja mendaftar untuk mendapatkan janji temu vaksin. Ibu hamil boleh mendaftar mendapatkan janji temu vaksin sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau melalui klinik kesihatan KKM. Jika menggunakan aplikasi MySejahtera, ibu hamil perlu mengemaskini status kehamilan mereka bagi membolehkan tarikh janji temu didahulukan kepada mereka.
  - (ii) Berdasarkan garis panduan pemberian vaksin COVID-19 bagi ibu hamil oleh Kementerian Kesihatan, ibu hamil disarankan untuk menerima vaksin selepas 12 minggu kehamilan. Walau bagaimanapun, ibu diberi pilihan untuk menerima vaksin pada mana-mana tempoh kehamilan. Mereka boleh berbuat demikian dengan mengunjungi klinik kesihatan atau hospital dan penerangan lanjut akan diberikan.
  - (iii) Setiap ibu hamil yang hadir ke klinik untuk pemeriksaan rutin kehamilan akan diterangkan mengenai kepentingan vaksin COVID-19 bagi ibu hamil dan akan dibantu untuk mendaftar serta mendapat janji temu vaksin COVID-19. Proses ini bermula pada sesi pertama pemeriksaan kehamilan dan akan diulang pada sesi lawatan pemeriksaan seterusnya jika ibu masih belum bersetuju untuk mendaftar menerima vaksin.
  - (iv) Di beberapa Pusat Pemberian Vaksin (PPV), lorong khas disediakan bagi ibu hamil bagi mempercepatkan pemberian vaksin kepada mereka.
3. KKM sentiasa berusaha untuk menyemak dan mengemas kini garis panduan pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil dari masa ke masa berdasarkan bukti saintifik yang terkini untuk menambah baik program pemberian vaksin COVID-19 kepada golongan ini. Hasrat KKM ialah untuk memberikan vaksinasi kepada ibu hamil seawal mungkin bagi memberikan perlindungan yang optimum. Walau bagaimanapun, perkara ini mestilah selaras dengan saranan dan bukti saintifik yang ada. Sekian, terima kasih.